

Cuti Rehat

Rujukan : Perintah Am 2, 7 hingga 11 dan 60 Bab 'C'.
Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002.
Pekeliling Perkhidmatan Bil. 20 Tahun 2005.

Tujuan : Diberi untuk tujuan kecekapan dan kepentingan pegawai.

Syarat :

- (i) berdasarkan perkhidmatan yang melayakkan.
- (ii) diluluskan oleh Ketua Jabatan.

Kadar :

- a) **Lantikan Sebelum 1 September 2005**

Kumpulan/ Gred	Di Bawah 10 Tahun Perkhidmatan	Genap 10 Tahun Perkhidmatan Dan Lebih
Pengurusan Tertinggi	30 hari	35 hari
31- 54	30 hari	35 hari
21- 30	25 hari	30 hari
1 - 20	20 hari	25 hari

b) **Lantikan Mulai 1 September 2005**

Kumpulan/ Gred	Di Bawah 10 Tahun Perkhidmatan	Genap 10 Tahun Perkhidmatan Dan Lebih
Pengurusan Tertinggi	30 hari	30 hari
31- 54	30 hari	30 hari
21- 30	25 hari	30 hari
1 - 20	20 hari	25 hari

Agensi Terlibat : Perkhidmatan Awam

Tarikh Kuat Kuasa: 1 November 2002 (PP Bil. 4 Tahun 2002).
1 September 2005 (PP Bil. 20 Tahun 2005).

Cuti Rehat (Maritim)

Rujukan : Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2004.
JPA(S)223/8/3 Klt.7(47) bertarikh 30 Ogos 2005.

Tujuan : Diberi untuk tujuan kecekapan dan kepentingan pegawai.

Syarat :
(i) berdasarkan perkhidmatan yang melayakkan.
(ii) diluluskan oleh Ketua Jabatan.

Kadar :
a) **Lantikan Sebelum 1 September 2005**

Pangkat	Perkhidmatan	
	Kurang 10 Tahun Perkhidmatan	Genap 10 Tahun Perkhidmatan
Laksaman Pertama Maritim hingga Leftenan Maritim	30 Hari	35 Hari
Leftenan Madya Maritim hingga Pegawai Waran 1 Maritim	25 Hari	30 Hari
Pegawai Waran11 Maritim hingga Laskar Kelas 11 Maritim	20 Hari	25 Hari

b) **Lantikan Mulai 1 September 2005**

Pangkat	Perkhidmatan	
	Kurang 10 Tahun Perkhidmatan	Genap 10 Tahun Perkhidmatan
Laksaman Pertama Maritim hingga Leftenan Maritim	30 Hari	30 Hari
Leftenan Madya Maritim hingga Pegawai Waran 1 Maritim	25 Hari	30 Hari
Pegawai Waran11 Maritim hingga Laskar Kelas 11 Maritim	20 Hari	25 Hari

Agensi Terlibat: Agensi PenguatKuasaan Maritim Malaysia

Tarikh Kuat Kuasa: 1 Januari 2005 (PP Bil. 6 Tahun 2004).
1 September 2005 (JPA(S)223/8/3 Klt.7(47)).

Cuti Rehat (PDRM)

- Rujukan** : Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1991.
Pekeliling Perkhidmatan Bil. 21 Tahun 2005.
- Tujuan** : Diberi untuk tujuan kecekapan dan kepentingan pegawai.
- Syarat** :
- (i) berdasarkan perkhidmatan yang melayakkan.
 - (ii) diluluskan oleh Ketua Jabatan.
- Kadar** :
- a) **Lantikan Sebelum 1 September 2005**

Pangkat	Kadar	
	Kurang 10 tahun perkhidmatan	Genap 10 tahun perkhidmatan
Penolong Penguasa Polis dan ke atas	30 hari	35 hari
Sub Inspektor – Ketua Inspektor	25 hari	30 hari
Konstabel – Sarjan Mejar	20 hari	25 hari

b) **Lantikan Mulai 1 September 2005**

Pangkat	Kadar	
	Kurang 10 tahun perkhidmatan	Genap 10 tahun perkhidmatan
Penolong Penguasa Polis dan ke atas	30 hari	30 hari
Sub Inspektor – Ketua Inspektor	25 hari	30 hari
Konstabel – Sarjan Mejar	20 hari	25 hari

Agensi Terlibat: Polis Di Raja Malaysia.

Tarikh Kuat Kuasa: 1 Januari 1992 (PP Bil. 10 Tahun 1991).
1 September 2005 (PP Bil. 21 Tahun 2005).

Cuti Rehat Tahunan (ATM)

Rujukan : Peraturan Cuti dan Elaun Angkatan Tentera 1958.

Tujuan : Diberi untuk tujuan kecekapan dan kepentingan pegawai.

Syarat :

- (i) berdasarkan perkhidmatan yang melayakkan.
- (ii) diluluskan oleh Ketua Jabatan.

Kadar :

Pangkat	Kadar
Mejar ke atas	42 hari
Kapten	36 hari
Leftenan/Leftenan Muda	30 hari
Askar Laskar	30 hari

Agensi Terlibat: Angkatan Tentera Malaysia.

Tarikh Kuat Kuasa: 1 Januari 1958

Cuti Rehat Khas (Pegawai Perkhidmatan Pendidikan)

- Rujukan** : Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2005.
- Tujuan** : Diberikan kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan untuk menggantikan Cuti Sambilan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1977.
- Syarat** :
- (i) berdasarkan perkhidmatan yang melayakkan.
 - (ii) diluluskan oleh Ketua Jabatan.
 - (iii) Cuti Rehat Khas yang tidak dapat dihabiskan adalah dibenarkan untuk dikumpulkan bagi tujuan Pemberian Wang Tunai Gantian Cuti Rehat.
- Kadar** : Tujuh (7) hari dalam satu tahun kalendar (Januari hingga Disember).
- Agensi Terlibat:** Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Tarikh Kuat Kuasa:** 1 Mac 2004.

Cuti Separuh Gaji

- Rujukan** : Perintah Am 13, 51 dan 63 Bab 'C'.
Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991.
- Tujuan** :
- (i) Pegawai Perkhidmatan Awam:
 - (a) diberi atas sebab-sebab kesihatan sanak saudara yang rapat kepada pegawai.
 - (ii) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Guru):
 - (a) diberi atas sebab-sebab kesihatan sanak saudara yang rapat kepada guru; dan
 - (b) membuat lawatan sambil belajar di seberang laut yang diluluskan oleh Ketua Setiausaha Kementerian.
- Syarat** :
- (i) berdasarkan perkhidmatan yang melayakkan.
 - (ii) diluluskan oleh Ketua Jabatan bagi tempoh 14 hari dalam satu tahun.
 - (iii) diluluskan oleh Ketua Setiausaha Kementerian bagi tempoh yang selebihnya.
- Kadar** : 30 hari bagi setiap genap satu tahun perkhidmatan yang melayakkan tetapi tidak melebihi 180 hari.
- Agensi Terlibat** : Perkhidmatan Awam.
- Tarikh Kuat Kuasa** : 1 Januari 1992.

Cuti Tanpa Gaji

- Rujukan** : Perintah Am 14 dan 52 Bab 'C'.
Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991.
- Tujuan** : Diberi bagi membolehkan pegawai menyelesaikan urusan-urusan peribadi yang mustahak sama ada di dalam atau di luar negeri.
- Syarat :**
- (i) syarat minimum layak memohon Cuti Tanpa Gaji di dalam atau di luar negeri ialah sekurang-kurangnya 6 bulan perkhidmatan yang melayakkan.
 - (ii) pegawai telah menghabiskan semua Cuti Rehat yang ia berkecualan sebelum mengambil Cuti Tanpa Gaji.
 - (iii) baki Cuti Tanpa Gaji yang belum diambil boleh digunakan selagi tidak mencapai had maksimum yang dibenar berasaskan perkhidmatan yang melayakkan.
 - (iv) Cuti Tanpa Gaji hendaklah dicatatkan di dalam Kenyataan Cuti dan Buku Pektidmatan.
- Kadar** : 30 hari bagi setiap genap satu tahun perkhidmatan yang melayakkan tetapi tidak melebihi 360 hari.
- Agensi Terlibat:** Perkhidmatan Awam.
- Tarikh Kuat Kuasa:** 1 Januari 1992.

Cuti Penggal

- Rujukan** : Perintah Am 50 Bab 'C'.
- Tujuan** : Diberi sebagai mengganti kemudahan Cuti Rehat kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang mengajar (Guru) di sekolah.
- Syarat** : Ketua Jabatan boleh memanggil guru-guru untuk menjalankan tugas-tugas selain daripada tugas-tugas mengajar biasa semasa percutian penggal sekolah bagi masa yang tidak melebihi separuh daripada jumlah cuti penggal sekolah dalam satu-satu bulan.
- Kadar** : Akan ditentukan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia mengikut jadual persekolahan setiap tahun.
- Agensi Terlibat:** Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Tarikh Kuat Kuasa :** 1 Januari 1974.

Cuti Sakit

- Rujukan** : Perintah Am 17 dan 53 Bab 'C'.
Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1985.
- Tujuan** : Membolehkan pegawai Perkhidmatan Awam yang tidak sihat untuk bertugas berehat di rumah atau hospital untuk memulihkan kesihatannya.
- Syarat** :
- (i) pegawai telah disahkan sebagai tidak sihat untuk bertugas oleh pegawai perubatan atau oleh sebuah Lembaga Perubatan atau oleh seorang ahli Panel Doktor.
 - (ii) pengesahan tidak sihat hendaklah dibuat ke atas sijil sakit.
 - (iii) pegawai perlu mengemukakan sijil sakit kepada Ketua Jabatan/ Ketua Setiausaha Kementerian bagi membolehkan diluluskan cuti sakit.
- Kadar** :
- (i) 90 hari cuti sakit bergaji penuh diluluskan oleh Ketua Jabatan.
 - (ii) 90 hari cuti sakit tambahan bergaji penuh diluluskan oleh Ketua Setiausaha Kementerian.
- Agensi Terlibat:** Perkhidmatan Awam
- Tarikh Kuat Kuasa:** 1 Januari 1974

Cuti Sakit Lanjutan

- Rujukan** : Perintah Am 22 dan 53 Bab 'C'.
Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991.
- Tujuan** : Pegawai yang diperakukan oleh Lembaga Perubatan memerlukan masa berehat kerana tidak sihat untuk bertugas tetapi ada harapan untuk sembuh semula.
- Syarat** :
- (i) pegawai telah menghabiskan Cuti Sakit bergaji penuh selama 180 hari.
 - (ii) pegawai telah menghabiskan Cuti Rehat yang berkelayakan ketika itu.
 - (iii) pegawai perlu diperiksa oleh Lembaga Perubatan untuk mengesahkan bahawa pegawai masih tidak sihat untuk bertugas semula tetapi ada harapan untuk sembuh. Sementara menunggu Laporan Lembaga Perubatan, sijil sakit boleh diterima bagi tujuan Cuti Separuh Gaji. Pegawai hendaklah diberi Cuti Tanpa Gaji jika tidak mengemukakan sijil sakit dalam tempoh yang berkenaan. Had Cuti Sakit Lanjutan secara Cuti Separuh Gaji ialah selama 90 hari.
 - (iv) selepas menghabiskan Cuti Sakit Lanjutan secara Cuti Separuh Gaji selama 90 hari dan pegawai masih tidak sihat untuk bertugas dan diperakukan oleh Lembaga Perubatan sebagai ada harapan untuk sembuh, pegawai masih boleh diluluskan Cuti Sakit Lanjutan secara Cuti Tanpa Gaji tidak melebihi 90 hari dengan diberi Elaun Bantuan bersamaan separuh gaji.
 - (v) kemudahan Cuti Sakit Lanjutan ini diberi dalam satu tahun kelandar.
 - (vi) kemudahan ini boleh diulangi dalam tahun kedua, selepas tempoh tersebut jika pegawai masih belum sembuh, beliau boleh dibersarakan dengan perakuan Lembaga Perubatan.
- Agensi Terlibat:** Perkhidmatan Awam
- Tarikh Kuat Kuasa:** 1 Januari 1992

Cuti Kerantina

- Rujukan** : Perintah Am 24 Bab 'C'.
- Tujuan** : Untuk menghalang berlakunya wabak penyakit daripada merebak.
- Syarat** : Pegawai di tahan di mana-mana stesen kerantina.
- Kadar** : Cuti Kerantina bergaji penuh mengikut tempoh penahanan oleh pihak berkuasa kesihatan.
- Agensi Terlibat:** Perkhidmatan Awam
- Tarikh Kuat Kuasa:** 1 Januari 1974

Cuti Bersalin

- Rujukan** : Perintah Am 25, 26 dan 54 Bab 'C'.
Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1998.
- Tujuan** : Diberikan kepada pegawai wanita untuk pulih daripada bersalin.
- Syarat** :
- (i) pegawai perlu mengemukakan perakuan bersalin kepada Ketua Jabatan.
 - (ii) Cuti Bersalin dikira mulai dari tarikh pegawai bersalin.
 - (iii) kemudahan Cuti Bersalin yang telah digunakan oleh pegawai hendaklah dicatatkan di dalam Kenyataan Cuti, Buku Perkhidmatan.
- Kadar** :
- (i) Sebanyak 5 kali sepanjang tempoh perkhidmatan.
 - (ii) Selama 60 hari setiap kali bersalin.
- Agensi Terlibat:** Perkhidmatan Awam
- Tarikh Kuat Kuasa:** 1 Mei 1998

Cuti Kecederaan

- Rujukan** : Perintah Am 27 dan 53 Bab 'C'.
- Tujuan** : Diberikan kepada pegawai yang mendapat kecederaan semasa menjalankan tugas rasmi sebagai tambahan setelah menggunakan kelayakan Cuti Sakit di bawah peruntukan Perintah Am 17.
- Syarat** : Diperakukan oleh Lembaga Perubatan mempunyai harapan untuk sembuh dan berpunca daripada kecederaan semasa bertugas.
- Kadar** : Cuti bergaji penuh hingga ke satu tarikh pegawai akan pulih atau ke tarikh ia akan dibersarakan dari perkhidmatan, setelah Cuti Sakit habis digunakan.
- Agensi Terlibat** : Perkhidmatan Awam
- Tarikh Kuat Kuasa** : 1 Januari 1974

Cuti Tibi, Barah dan Kusta

- Rujukan** : Perintah Am 31 dan 53 Bab 'C'.
Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991.
- Tujuan** : Diberikan kepada pegawai yang memerlukan tempoh rawatan yang panjang.
- Syarat** :
- (i) pegawai disahkan menghidap penyakit tibi atau kusta atau barah atau lain-lain penyakit yang setaraf dengannya.
 - (ii) pegawai perlu mengemukakan sijil sakit kepada Ketua Jabatan.
- Kadar** :
- (i) pegawai yang menghidap penyakit barah atau kusta - tidak melebihi 24 bulan cuti sakit bergaji penuh dengan tidak mengira sebarang cuti sakit yang telah diambilnya kerana penyakit-penyakit lain.
 - (ii) pegawai yang menghidap penyakit tibi - tidak melebihi 12 bulan cuti sakit bergaji penuh dengan tidak mengira sebarang cuti sakit yang telah diambilnya kerana penyakit-penyakit lain.
 - (iii) kemudahan di (i) dan (ii) juga diberikan kepada jenis penyakit yang setaraf dengan penyakit tibi, kusta atau barah yang memerlukan tempoh rawatan yang panjang untuk pulih. Jenis penyakit yang dimaksudkan hendaklah diperakukan oleh sebuah Lembaga Perubatan.
 - (iv) setelah menghabiskan cuti di (i) dan (ii) pegawai boleh menggunakan Cuti Rehat yang masih berkelebihan.
 - (v) Cuti Separuh Gaji yang tidak melebihi 12 bulan boleh diberi setelah tamatnya cuti di (i)/ (ii) dan (iv).
 - (vi) setelah menghabiskan semua cuti di (i)/(ii), (iv) dan (v) tiada apa-apa cuti yang boleh diberi lagi melainkan atas budi bicara Ketua Setiausaha Kementerian setelah meneliti Laporan Lembaga Perubatan. Ketua Setiausaha Kementerian boleh menimbang apa-apa cuti tambahan sama ada bergaji penuh atau separuh gaji atau pegawai itu boleh dibersarakan daripada perkhidmatan.
- Agensi Terlibat** : Perkhidmatan Awam
- Tarikh Kuat Kuasa** : 1 Januari 1992

Cuti Tambahan (Atas Sebab Kesihatan Guru)

Rujukan : Perintah Am 53 Bab 'C'.

Tujuan : Sebagai ganti kepada kemudahan Cuti Rehat yang tidak dilayaki, maka Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang mengajar (Guru) di sekolah yang tidak sihat untuk bertugas diberi Cuti Tambahan untuk tujuan berehat di rumah atau hospital untuk memulihkan kesihatannya.

Syarat :

- (i) pegawai telah menghabiskan Cuti Sakit bergaji penuh selama 180 hari;
- (ii) pegawai perlu diperiksa oleh Lembaga Perubatan untuk mengesahkan bahawa pegawai masih tidak sihat untuk bertugas semula tetapi ada harapan untuk sembuh.

Kadar : 25 hari setahun.

Agensi Terlibat: Kementerian Pelajaran Malaysia

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 1974

Cuti Perubatan Khas

- Rujukan** : Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1995.
- Tujuan** : Membolehkan pegawai yang diperakukan oleh Lembaga Perubatan tiada harapan untuk sembuh berehat dari menjalankan tugas-tugasnya sebelum diluluskan persaraannya.
- Syarat** : Apabila Lembaga Perubatan menyampaikan pendapat bahawa pegawai yang berkenaan tidak berupaya menjalankan kewajipan jawatannya disebabkan oleh kelemahan akal atau tubuh yang mungkin menjadi kekal, pegawai hendaklah diberi Cuti Perubatan Khas sekiranya beliau tidak mempunyai Cuti Rehat atau sebaik sahaja beliau menghabiskan Cuti Rehatnya.
- Kadar** : Sehingga sehari sebelum tarikh pegawai akan dibersarakan.
- Agensi Terlibat:** Perkhidmatan Awam
- Tarikh Kuat Kuasa:** 1 Disember 1995

(Bidang Kuasa Bahagian Pencen)

Cuti Gantian

Rujukan : Perintah Am 40 Bab 'C'.

Syarat : Pegawai yang diarahkan menjalankan tugas lebih masa pada hari bekerja biasa, hari cuti am atau hari kelepasan mingguan tetapi tidak berkecualan mendapat bayaran lebih masa atau sebarang bayaran khas.

Kadar :

- (i) Cuti Gantian yang boleh diluluskan adalah sama banyak dengan masa dipanggil bertugas lebih masa.
- (ii) masa bertugas lebih masa boleh dikumpulkan iaitu 9 jam kerja lebih masa boleh diberi 1 hari cuti gantian.
- (iii) diluluskan oleh Ketua Jabatan.

Agensi Terlibat: Perkhidmatan Awam

Tarikh Kuat Kuasa: 1 Januari 1974

Cuti Latihan Pasukan Sukarela

- Rujukan** : Perintah Am 41 dan 57 Bab 'C'.
Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1985.
- Tujuan** : Menghadiri latihan atau khemah tahunan pasukan-pasukan Sukarela.
- Syarat** :
- (i) Pegawai Perkhidmatan Awam yang menjadi ahli-ahli Pasukan Sukarela seperti berikut:
 - a) Askar Wataniah
 - b) Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut DiRaja
 - c) Pasukan Sukarela Tentera Udara DiRaja
 - d) Pasukan Sukarela Polis
 - e) Pasukan Pertahanan Awam
 - f) Ikatan Relawan Rakyat Malaysia - RELA
 - (ii) Diluluskan oleh Ketua Jabatan
- Kadar** : Cuti Tanpa Rekod sebanyak 30 hari setahun dan tambahan 2 hari perjalanan pergi dan balik ke tempat latihan atau khemah tahunan.
- Agensi Terlibat** : Perkhidmatan Awam
- Tarikh Kuat Kuasa** : 1 Januari 1974

Cuti Menghadiri Latihan Atau Khemah Tahunan Pertubuhan/ Persatuan

- Rujukan** : Perintah Am 42(a) dan 57 Bab 'C'.
Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991.
- Tujuan** : Menghadiri mesyuarat agong tahunan, mesyuarat luar biasa, kursus, khemah tahunan, seminar dan aktiviti sukan anjuran pertubuhan/ persatuan yang berkenaan di Malaysia.
- Syarat** :
- (i) pegawai yang menjadi ahli-ahli Persatuan/ Pertubuhan yang diisytiharkan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Senarai Persatuan/ Pertubuhan adalah seperti di lampiran sebelah.
 - (ii) diluluskan oleh Ketua Jabatan.
- Kadar** : Cuti Tanpa Rekod sebanyak 14 hari setahun dan tambahan 2 hari perjalanan pergi dan balik ke tempat aktiviti berkenaan.
- Agensi Terlibat** : Perkhidmatan Awam
- Tarikh Kuat Kuasa** : 1 Januari 1992

LAMPIRAN

NAMA PERTUBUHAN/ PERSATUAN YANG TELAH DISENARAI DI BAWAH PERINTAH AM 42(a) BAB 'C'

1. Kadet Laut
2. Pasukan Kadet Persekutuan
3. Pasukan Latihan Udara Persekutuan
4. Pasukan Pengakap
5. Pertubuhan Pandu Puteri
6. Bridget Budak Lelaki
7. Bridget Budak Perempuan
8. St. John Ambulan
9. Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia
10. Persatuan Perancang Keluarga
11. PEMADAM
12. Persatuan Penyelamat Kelemasan DiRaja Cawangan Malaysia
13. Persatuan Membantu Orang-orang Dalam Penyeliaan
14. Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Intergrasi Wanita Dalam Pembangunan (NACIWID)
15. Pertubuhan Orang-orang Buta
16. Institut Dakwah Dan Latihan Islam, Jabatan Perdana Menteri
17. Jabatan Perpaduan Negara, Jabatan Perdana Menteri
18. Persatuan Pengguna
19. Persatuan bagi Mencegah Penyakit Tibi Malaysia
20. PUSPANITA
21. Jawatan Kuasa Kemajuan Dan Kelayakan Kampong, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (JKKK)
22. Pasukan Kadet Polis
23. Persatuan Keluarga Polis (PERKEP)
24. PERKIM
25. Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia (N.W.O))
26. Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri
27. Persatuan Stem Malaysia
28. Biro Tata Negara, Jabatan Perdana Menteri
29. Persatuan Bantuan Perubatan Malaysia (MERCY)

Cuti Lain-lain Kursus:

- i) **Kursus Kepimpinan Belia dan Bina Semangat**
- ii) **Kursus Kesatuan Sekerja**

Rujukan : Perintah Am 42(b) dan 57 Bab 'C'
Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1985.

Tujuan :

- (i) Menghadiri Kursus Kepimpinan Belia dan Bina Semangat anjuran Kementerian Belia dan Sukan.
- (ii) Menghadiri Kursus Kesatuan Sekerja yang diluluskan oleh Kementerian Sumber Manusia.

Syarat : Diluluskan oleh Ketua Jabatan tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan.

Kadar : Cuti Tanpa Rekod sebanyak 14 hari setahun dan tambahan 2 hari perjalanan pergi dan balik ke tempat kursus.

Agensi Terlibat : Perkhidmatan Awam

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 1974

Cuti Menghadiri Latihan Syarikat Kerjasama

Rujukan : Perintah Am 43 dan 57 Bab 'C'.

Tujuan : Menghadiri kursus latihan, seminar atau mesyuarat kerjasama yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Koperasi di dalam atau di luar Malaysia.

Syarat :

- (i) pegawai perlu menjadi ahli syarikat koperasi.
- (ii) memegang jawatan di Maktab Koperasi.

Kadar :

- (i) tidak melebihi 2 bulan Cuti Tanpa Rekod untuk menghadiri kursus di Maktab Koperasi; dan
- (ii) tempoh sebenar bagi aktiviti kursus latihan, seminar atau mesyuarat.

Agensi Terlibat : Perkhidmatan Awam

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 1974

Cuti Untuk Mengambil Peperiksaan

- Rujukan** : Perintah Am 44 dan 57 Bab 'C'.
Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991.
- Tujuan** : Mengambil sebarang peperiksaan yang boleh membaiki peluang hidup pegawai.
- Syarat** : Kelulusan Ketua Jabatan.
- Kadar** : Kemudahan Cuti Tanpa Rekod yang boleh diambil oleh pegawai tertakluk kepada hari peperiksaan sahaja
- Agensi Terlibat** : Perkhidmatan Awam
- Tarikh Kuat Kuasa** : 1 Januari 1992

Cuti Menghadiri Mesyuarat Persatuan Ikhtisas

- Rujukan** : Perintah Am 45 dan 57 Bab 'C'.
Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1977.
- Tujuan** : Menghadiri mesyuarat-mesyuarat persatuan ikhtisas iaitu:-
- (i) Mesyuarat Agong Tahunan
 - (ii) Mesyuarat Agong Luar Biasa
- Syarat** : Pegawai-pegawai yang menjadi ahli pertubuhan ikhtisas yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan dan diisytiharkan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Senarai persatuan adalah seperti di lampiran sebelah.
- Kadar** : Tempoh sebenar mesyuarat dijalankan dan masa perjalanan dengan syarat kedua-dua masa tersebut tidak melebihi dua hari.
- Agensi Terlibat** : Perkhidmatan Awam
- Tarikh Kuat Kuasa** : 1 Januari 1974

LAMPIRAN

NAMA PERSATUAN YANG DISENARAI DI BAWAH PERINTAH AM 45 BAB 'C'

1. The Malayan Association Of Certified Public Accountants
2. Federation Of Malaya Society Of Architects
3. Joint Group Of Institute Of Civil Engineers. The Institute Of Mechanical Engineers And Institution Of Electrical Engineers.
4. Persatuan Biokimia Malaysia (The Malaysian Bio-Chemical Society)
5. The Malayan Dental Association
6. The Institution Of Engineers Federation Of Malaya
7. Persatuan Jurutera Galian Malaysia
8. Persatuan Juru-Juru X-Ray Malaysia
9. Persatuan Kesihatan Malaysia (Malaysian Society Of Health)
10. Institut Kimia Malaysia
11. Malayan Medical Association
12. The Alumni Association Of The King Edward VII College Of Medicine
13. The Association Of Medical Social Workers Malaysia
14. Malayan Section Of The Institute Of Mining And Metallurgy
15. The Malayan Trained Nurses Association
16. The Obstetrical And Gynaecological Society Of Malaya
17. Persatuan Pakar Bius Malaysia
18. Persatuan Pakar Orthopedic Malaysia
19. Malaysia Society Of Pathologists
20. Pertubuhan Perancang Malaysia
21. Akademik Perubatan Malaysia
22. The Association Of Physicians Of Malaya
23. The Malayan Pharmaceutical Association
24. The Malayan Scientific Association
25. The Malayan Association Of The Chartered Institute Of Secretaries
26. The College Of Surgeons of Malaysia
27. Institution Of Surveyors Federation Of Malaya
28. Persatuan Perkhidmatan Tadbir Dan Diplomatik Malaysia
29. The Technical Association of Malaya
30. Town Planning Institute (Malaya Branch)
31. The Malayan Veterinary Medical Association
32. Persatuan Kajiperasit Dan Tropika Malaysia
33. Persatuan Doktor-Doktor Veterinar Malaysia
34. Persatuan Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Kehakimam Dan Perundangan
35. Persatuan Dermatology Malaysia
36. Persatuan Radiology Malaysia (Malaysia Radiologi Society)
37. The College Of Physicians Of Malaysia
38. Persatuan Pemakanan Malaysia
39. Persatuan Pediatri
40. Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia

41. Persatuan Pegawai Pelajaran Kesihatan
42. Malaysia Institute Of Food Technology
43. Persatuan Fesioterapi Malaysia
44. Persatuan Ahli Biokimia – Klinikal Malaysia
45. Persatuan Penyakit Berjangkit Dan Kemoterapi Malaysia
46. Persatuan Inspektor Kesihatan Malaysia
47. Malaysian Psychiatric Association
48. Persatuan Jurupulih Cara Kerja Malaysia

Cuti Mengambil Bahagian Dalam Olahraga/ Sukan

- Rujukan** : Perintah Am 46 dan 57 Bab 'C'.
Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 1980.
Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1985.
- Tujuan** : Membolehkan pegawai Perkhidmatan Awam melibatkan diri dalam acara sukan.
- Syarat** :
- (i) pegawai dipilih untuk menyertai pertandingan sukan perwakilan di peringkat kebangsaan/ antarabangsa.
 - (ii) pegawai dipilih sebagai pegawai sukan untuk mengelolakan sukan perwakilan.
 - (iii) pegawai yang menjadi jurulatih bagi menyediakan pasukan bagi sukan perwakilan.
 - (iv) pegawai yang menjadi ahli majlis atau jawatan Kuasa pertandingan.
 - (v) tidak melebihi 3 acara sukan dalam setahun.
- Kadar** : Cuti Tanpa Rekod yang boleh diluluskan adalah tidak melebihi 30 hari dalam setahun (kelulusan Ketua Setiausaha Kementerian perlulah diperolehi bagi tempoh yang lebih dari yang ditetapkan)
- Agensi Terlibat** : Perkhidmatan Awam
- Tarikh Kuat Kuasa** : 18 Disember 1980

Cuti Tugas Khas Perubatan

Rujukan : Perintah Am 47 Bab 'C'.

Tujuan : Membolehkan pegawai yang terlibat dalam persekitaran kerja yang merbahaya mendapat rehat yang mencukupi.

Syarat :

- (i) pegawai-pegawai yang menjalankan tugas X-Ray sepenuh masa dan terdedah kepada pancaran X-Ray; dan
- (ii) pegawai-pegawai di pusat perubatan tertentu di mana jenis tugas yang dijalankan adalah merbahaya atau tidak digemari.

Kadar :

- (i) Cuti Tidak Berekod sebanyak 14 hari setahun.
- (ii) berdasarkan perkhidmatan yang melayakkan.
- (iii) tidak boleh dibawa ke tahun hadapan.

Agensi Terlibat: Perkhidmatan Awam

Tarikh Kuat Kuasa: 1 Januari 1974

Cuti Bagi Pegawai Yang Dipilih Untuk Mengambil Bahagian Dalam Lawatan Kebudayaan Dan Pertandingan Bulan Bahasa Kebangsaan

- Rujukan** : Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1964.
Pekeliling Perkhidmatan Bil. 16 Tahun 1966.
- Tujuan** : Menyertai rombongan kebudayaan anjuran Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Kebudayaan, Pelancongan dan Warisan
- Syarat** : Kelulusan Ketua Jabatan.
- Kadar** : Tempoh yang diperlukan bagi lawatan kebudayaan tersebut.
- Agensi Terlibat** : Perkhidmatan Awam
- Tarikh Kuat Kuasa** : 30 November 1966

**Cuti Tanpa Rekod Untuk Menghadiri Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan
Dan Majlis Bersama Jabatan**

- Rujukan** : Pekeliling Perkhidmatan Bil. 21 Tahun 1973.
- Tujuan** :
- (i) menghadiri Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan di peringkat Kebangsaan.
 - (ii) menghadiri Mesyuarat Majlis Pihak Pekerja yang diadakan sehari sebelum mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan.
 - (iii) menghadiri Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan.
- Syarat** : Pegawai Perkhidmatan Awam yang dikehendaki menghadiri Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan, Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan dan Mesyuarat Majlis Pihak Pekerja.
- Kadar** : Tempoh sebenar mesyuarat.
- Agensi Terlibat:** Perkhidmatan Awam
- Tarikh Kuat Kuasa :** 15 Ogos 1973

Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Kepada Pegawai/Kakitangan Semasa Mengikuti Kursus Intensif Di Bawah Program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ)

- Rujukan** : JPA(L)S.4.06/3 Klt.3(14) bertarikh 17 September 1997.
- Tujuan** : Menghadiri kursus intensif bagi Program Pengajian Jarak Jauh.
- Syarat** :
- (i) mendapat kebenaran daripada Ketua Jabatan untuk mengikut pengajian di bawah Program Pengajian Jarak Jauh yang berkenaan.
 - (ii) pegawai mengikut pengajian dalam apa juga bidang di peringkat diploma atau ijazah pertama atau ijazah lanjutan di mana-mana Institut Pengajian Tinggi Awam dan mereka belum mempunyai kelayakan di peringkat pengajian yang berkenaan.
- Kadar** : Sebanyak 30 hari dalam setahun.
- Agensi Terlibat:** Perkhidmatan Awam
- Tarikh Kuat Kuasa:** 17 September 1997

Cuti Isteri Bersalin

- Rujukan** : Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 2002.
- Tujuan** : Disediakan kepada pegawai Perkhidmatan Awam lelaki untuk membantu urusan ketika isterinya bersalin.
- Syarat** :
- (i) cuti ini hendaklah bermula pada tarikh isteri pegawai bersalin atau pada hari berikutnya jika isterinya bersalin selepas waktu pejabat.
 - (ii) pegawai yang menggunakan kemudahan ini hendaklah mengemukakan salinan perakuan bersalin isterinya kepada Ketua Jabatan.
- Kadar** :
- (i) sebanyak tujuh hari sebagai Cuti Tanpa Rekod termasuk semua hari rehat dan hari kelepasan am.
 - (ii) lima kali sepanjang perkhidmatan.
- Agensi Terlibat:** Perkhidmatan Awam
- Tarikh Kuat Kuasa :** 1 Januari 2003

Cuti Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat

- Rujukan** : Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 2002.
- Tujuan** : Menziarahi jenazah dan membantu urusan berkaitan dengan kematian ahli keluarga yang terdekat.
- Syarat** :
- (i) ahli keluarga terdekat bermaksud suami atau isteri, anak-anak serta ibu dan bapa kandung kepada pegawai berkenaan.
 - (ii) cuti ini hendaklah bermula pada tarikh kematian ahli keluarga terdekat atau pada hari berikutnya jika ahli keluarga berkenaan meninggal dunia selepas waktu pejabat.
 - (ii) pegawai yang menggunakan kemudahan ini hendaklah mengemukakan salinan pengesahan kematian ahli keluarga terdekat kepada Ketua Jabatan untuk tujuan rekod.
- Kadar** : Sebanyak 3 hari sebagai cuti tanpa rekod termasuk semua hari rehat dan hari kelepasan am.
- Agensi Terlibat:** Perkhidmatan Awam
- Tarikh Kuat Kuasa:** 1 Januari 2003

Cuti Tanpa Rekod Untuk Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Dilantik Sebagai Jurulatih Program Latihan Khidmat Negara

- Rujukan** : Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2004.
- Tujuan** : Membolehkan pegawai Perkhidmatan Awam terlibat di dalam Program Latihan Khidmat Negara.
- Syarat** : Pegawai telah dilantik sebagai jurulatih Program Latihan Khidmat Negara oleh Jabatan Latihan Khidmat Negara.
- Kadar** : Mengikut tempoh sebenar program (tempoh mengikuti kursus untuk menjadi jurulatih dan menjalankan tugas sebagai jurulatih) tersebut diadakan dengan tambahan sehari sebelum dan sehari selepas bagi maksud perjalanan jika diperlukan.
- Agensi Terlibat:** Perkhidmatan Awam
- Tarikh Kuat Kuasa :** 1 Oktober 2003

Cuti Tanpa Rekod Bagi Tujuan Menghadiri Mahkamah Di Luar Stesen

Rujukan : JPA(S)223/8/3-3 Sk.4/(11) bertarikh 26 Julai 1994.

Tujuan : Membolehkan pegawai hadir di mahkamah sebagai saksi.

Syarat :

- (i) pegawai disapina untuk hadir di mahkamah sebagai saksi pihak Kerajaan.
- (ii) pegawai disapina untuk hadir di mahkamah sebagai saksi pihak bukan Kerajaan.

Kadar :

- (i) diberi pelepasan meninggalkan pejabat bagi tempoh diperlukan jika menghadiri mahkamah di dalam stesen pegawai bertugas.
- (ii) Cuti Tanpa Rekod bagi hari-hari yang diperlukan hadir di mahkamah dengan tambahan sehari sebelum dan selepas bagi maksud perjalanan jika menghadiri mahkamah di luar stesen pegawai bertugas.

Agensi Terlibat : Perkhidmatan Awam

Tarikh Kuat Kuasa : 26 Julai 1994

Cuti Menjaga Anak

- Rujukan** : Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991.
Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1998.
- Tujuan** : Membolehkan pegawai wanita menyusukan anaknya.
- Syarat** :
- (i) diambil selepas menggunakan kelayakan Cuti Bersalin iaitu pada hari ke 61; atau
 - (ii) mulai dari tarikh bersalin bagi pegawai yang telah menggunakan lima kali kemudahan Cuti Bersalin.
- Kadar** :
- (i) tidak melebihi 90 hari (sama ada menggunakan kemudahan ini selepas menggunakan kelayakan Cuti Bersalin atau mulai dari tarikh bersalin sekiranya telah menggunakan lima kali Cuti Bersalin)
 - (ii) lima kali sepanjang perkhidmatan.
- Agensi Terlibat** : Perkhidmatan Awam
- Tarikh Kuat Kuasa** : 1 Mei 1998

Cuti Haji

- Rujukan** : Perintah Am 34 dan 35 dan 55 Bab 'C'.
Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1984.
Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991.
- Tujuan** : Membolehkan pegawai Perkhidmatan Awam mengerjakan fardhu Haji.
- Syarat** :
- (i) pegawai beragama Islam; dan
 - (ii) berjawatan tetap; dan
 - (iii) telah disahkan dalam jawatan; atau
 - (iv) pegawai sementara yang telah berkhidmat tidak kurang daripada 6 tahun secara berterusan.
- Kadar** : Selama 40 hari sekali sepanjang perkhidmatan.
- Agensi Terlibat** : Perkhidmatan Awam
- Tarikh Kuat Kuasa** : 1 Januari 1992

Cuti Tanpa Gaji Bagi Pegawai Yang Mengikuti Pasangan Mereka Bertugas Atau Berkursus Di Dalam Atau Luar Negeri

- Rujukan** : Pekeliling Perkhidmatan Bil. 14 Tahun 2005.
- Tujuan** : Membolehkan pegawai Perkhidmatan Awam untuk mengikut pasangan bertugas atau berkursus di dalam atau luar negeri.
- Syarat** : Semua pegawai tetap dalam perkhidmatan Kerajaan yang mengikut pasangan mereka berkhidmat atau berkursus di dalam atau di luar negeri layak dipertimbangkan cuti tanpa gaji dengan syarat pasangan mereka:
- (i) telah dilantik berkhidmat oleh pihak berKuasa melantik atau diluluskan bertukar/ berkursus oleh Ketua Jabatannya.
 - (ii) terdiri daripada pegawai Kerajaan, perbadanan awam atau syarikat swasta. Jika pasangan mereka bukan pegawai mana-mana agensi yang tersebut itu, ia (pasangan pegawai) hendaklah telah dianugerahkan bantuan kewangan oleh Kerajaan untuk berkursus di dalam atau di luar negeri.
 - (iii) memerlukan kepentingan berada bersama pasangan dalam menjalankan tugas terutama yang melibatkan perkara-perkara mengenai perkhidmatan dan kepentingan jawatan tertentu. Contohnya Ketua Jabatan di peringkat negeri yang menghendaki pasangan sentiasa mengiringi pegawai dalam urusan-urusan rasminya.
- Kadar** : Maksimum 3 tahun atau selama tempoh berkhidmat/ kursus pasangan pegawai mengikut masa yang lebih pendek.
- Agensi Terlibat** : Perkhidmatan Awam.
- Tarikh Kuat Kuasa** : 10 Jun 2005.

Cuti Sabbatical

- Rujukan** : Pekeliling Perkhidmatan Bil. ... Tahun 1975.
- Tujuan** : Secara umumnya, kemudahan Cuti Sabbatical adalah untuk membolehkan kakitangan akademik meningkatkan penyelidikan ilmiah, kegiatan dan kelayakan profesional serta pengalaman pengajaran di institut pengajian tinggi lain dan menjalankan penyelidikan lanjutan.
- Syarat dan kadar:** Sepertimana yang ditetapkan oleh Majlis Universiti masing-masing.
- Agensi Terlibat :** Perkhidmatan Badan Berkanun.
- Tarikh Kuat Kuasa :** 1 Januari 1975.

Cuti Membuat Kerja Penyelidikan

Rujukan : Pekeliling Perkhidmatan Bil. Tahun 1975.

Tujuan: Membolehkan kakitangan akademik di universiti menjalankan tugas-tugas tertentu semasa cuti penggal dan tugas dianggap berguna terhadap kerja kakitangan tersebut dan dianggap berfaedah kepada institusi yang berkenaan.

Syarat dan kadar: Sepertimana yang ditetapkan oleh Majlis Universiti masing-masing.

Agensi Terlibat : Perkhidmatan Badan Berkanun.

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 1975.

Cuti Sambilan (PDRM dan Jabatan Penjara)

- Rujukan** : Perintah Am 67 Bab C
Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1977.
- Tujuan** : Membolehkan pegawai dalam perkhidmatan polis dan penjara mendapat cuti yang lebih panjang kerana keunikan tugas.
- Syarat** :
- (i) berdasarkan perkhidmatan yang melayakkan.
 - (ii) tidak boleh dikumpulkan dan akan luput jika tidak diambil dalam tahun berkenaan.
- Kadar** : 14 hari dalam setahun.
- Agensi Terlibat** : Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Penjara.
- Tarikh Kuat Kuasa** : 1 Januari 1974 (Jabatan Penjara)
1 Januari 1976 (Polis Diraja Malaysia).

Cuti Berkursus

- Rujukan** : Perintah Am 36 dan 56 Bab 'C'.
- Tujuan** : Membolehkan pegawai Perkhidmatan Awam yang dipilih atau dibenarkan oleh Kerajaan mengikut kursus/ latihan/ pengajian dengan bergaji penuh, separuh gaji atau tanpa gaji untuk kursus diploma, ijazah asas, lepasan ijazah atau kursus lanjutan.
- Syarat** : Diluluskan oleh pihak berKuasa melulus permohonan cuti berkursus.
- Kadar** :
- (i) bagi tempoh kursus yang diikuti termasuk cuti akademik dan rehat yang jatuh dalam masa kursus itu;
 - (ii) bagi tempoh perjalanan ke tempat belajar dan perjalanan balik selepas kursus mengikut jalan yang paling dekat; dan
 - (iii) bagi tempoh menunggu di luar negeri yang tidak dapat dielakkan yang disebabkan oleh urusan-urusan perjalanan setempat.
- Agensi Terlibat** : Perkhidmatan Awam
- Tarikh Kuat Kuasa** : 1 Januari 1974

Cuti Rehat Selepas Berkursus Lebih 12 Bulan

- Rujukan** : Perintah Am 38 Bab 'C'.
Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991.
- Tujuan** : Membolehkan pegawai Perkhidmatan Awam berehat dan menguruskan perkara-perkara yang berkaitan selepas berkursus.
- Syarat** :
- (i) pegawai yang menamatkan kursus/ pengajian yang melebihi 12 bulan.
 - (ii) mempunyai baki Cuti Rehat sebelum pergi berkursus.
- Kadar** : Sebanyak 7 hari.
- Agensi Terlibat** : Perkhidmatan Awam
- Tarikh Kuat Kuasa** : 1 Januari 1992

Kebenaran Tidak Hadir Kerja Atas Sebab Kecemasan Am

- Rujukan** : Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1986.
- Tujuan** : Memberi kebenaran kepada pegawai Perkhidmatan Awam untuk tidak hadir ke tempat bertugas atas sebab kecemasan am.
- Syarat** :
- (i) pegawai-pegawai tidak hadir bekerja atas sebab-sebab kecemasan seperti banjir, tanah runtuh, gempa bumi, jambatan runtuh atau lain-lain malapetaka dan bencana alam, perintah berkurung dan perintah sekatan am oleh pihak berkuasa yang menyebabkan terhalangnya perjalanan ke pejabat atau ke tempat bekerja biasa.
 - (ii) kes-kes bencana dan kemalangan yang berlaku atas peribadi atau atas harta benda seseorang pegawai tidak dianggap kecemasan am dan hendaklah mengambil cuti lain yang layak.
 - (iii) pegawai perlu memaklumkan perkara ini kepada Ketua Jabatan dengan menggunakan borang permohonan seperti di lampiran kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1996 bagi tempoh tidak hadir itu.
 - (iv) mendapatkan pengesahan tentang bencana alam tersebut dari Pegawai Daerah, Penghulu, Pejabat Polis, Jabatan Penerangan, Jabatan Kebajikan dan Siaran Media Massa.
- Kadar** : Tempoh berlaku bencana.
- Agensi Terlibat** : Perkhidmatan Awam
- Tarikh Kuat Kuasa** : 28 Februari 1986

Syarat-Syarat Dan Peraturan Bagi Mendapatkan Cuti Bagi Mengikuti Kursus Luar Kampus Di Malaysia

- Rujukan** : Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 1974
- Tujuan** : Membolehkan pegawai mengikuti kursus luar kampus yang diadakan oleh universiti di dalam Malaysia.
- Syarat** :
- (i) pegawai dibenarkan oleh Ketua Perkhidmatan untuk mengikuti pengajian luar kampus;
 - (ii) pegawai dikehendaki berada di universiti sepenuh masa pada tempoh yang tertentu.
 - (iii) kemudahan cuti yang disediakan adalah secara Cuti Tanpa Gaji.
- Kadar** : Tempoh sebenar yang ditetapkan oleh pihak universiti.
- Agensi Terlibat** : Perkhidmatan Awam
- Tarikh Kuat Kuasa** : 1 Mac 1974